

# Bersikap Peduli Masyarakat

Rentak

*Belia diajak melihat dan membantu golongan yang dibelenggu kesusahan*

Oleh NURUL 'AIN RAZALI

**M**ESKIPUN dunia dibuai arus kemajuan yang pesat, masih terdapat golongan yang sangat memerlukan bantuan.

Banyak orang dilanda gejala kelaparan di Afrika Utara dan menaikan kekurangan prasarana di kawasan pedalaman China dan bermacam-macam lagi masalah yang dihadapi sesetengah warga dunia dewasa ini.

Pelbagai badan, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan badan bukan pemerintah (NGO), juga berhempas-pulas siang malam untuk membasminya.

Dalam pada itu, tidak kurang juga sinar harapan yang diberikan oleh beberapa kumpulan kecil. Ini khususnya golongan belia dan mahasiswa di Singapura yang tampil untuk menghulurkan bantuan.

Walaupun terpaksa mengimbangi antara tuntutan pelajaran di universiti, projek dan keluarga, masih ada ramai yang turun padang demi menabur bakti kepada warga dunia yang memerlukan.

Persatuan Muslim Universiti Nasional Singapura (NUSMS), yang telah menghantar 17 anggotanya dalam pasukan kembara belia (YEP) Project BeSTARi 2011, ke Bogor, Indonesia, tahun lalu.

Menurut pengarah projek tersebut dan presiden NUSMS, Muhammad Danial Faizal Anuar, 22 tahun, beliau lebih peka terhadap dunia dan penduduknya yang kurang bernasib baik menerusi penglibatan dalam usaha-usaha sedemikian.

"Kerja-kerja ini menanamkan sifat manusiawi dan kerendahan hati, serta membuka minda mereka dan memupuk sifat peribadi individu. Beliau harus sedar mereka mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kembali kepada masyarakat," ujar Danial ketika dihubungi.

Bagi mahasiswi Universiti Tekno-



**PENGALAMAN MEMBUKA MINDA:** Penglibatan Cik Anisah (kiri) dalam misi kemanusiaannya ke China telah membuka hati beliau pada melakukan kerja-kerja sukarela bagi membantu mereka yang lebih memerlukan. – Foto NUR IZAN FART HORRAHMAN

logi Nanyang (NTU), Anisah Mat Hamid, beliau sempat menjejak kampung Muslim Yang Tzai, di Yunnan, China.

Menurut mahasiswi berumur 21 tahun itu, beliau telah mengendalikan aspek logistik misi bantuan yu-Knights bersama NTUMS tahun lalu.

Antara lain, NTUMS bantu mengecat tembok sebuah sekolah baru, mengajar kanak-kanak pra-sekolah bahasa Inggeris dan Arab mudah dan kebersihan diri.

"Sumbangan beliau terhadap warga yang memerlukan merupakan satu batu loncatan bagi generasi selanjutnya untuk mengetahui tentang warga tersebut. Ini akan menggalakkan mereka untuk lebih bergiat aktif dalam kerja-kerja sukarela dan memastikan penerusan budaya membantu ini," ujar Anisah.

Masih banyak pengkritik yang meremehkan sumbangan beliau kepada warga yang memerlukan masa kini.

Jika diamati, peranan beliau dalam menjalankan usaha-usaha tersebut tidaklah kecil kesannya, baik terha-

dap diri siswa itu sendiri mahupun mereka yang telah dibantu.

Belia dapat menyaksikan sendiri bagaimana peritnya hidup bagi sesetengah warga dunia. Sedangkan mereka terbiasa dengan perlindungan dan kecukupan, mereka kini melihat kesengsaraan orang yang dibelenggu kesusahan.

Ini akan mengingatkan kita untuk bersyukur dengan apa yang kita miliki, terutama sekali dalam dunia yang semakin menjurus kepada sikap mementingkan kebendaan.

Sebaliknya juga, warga yang memerlukan mampu keluar daripada lingkaran kemiskinan, sealiran dengan pembangunan masyarakat. Barangkali, dengan bantuan kita, warga tersebut akan rasa terdorong melihat keikhlasan kita waktu tampil melolong.

Akhir kata, Danial menyarankan agar beliau melangkah keluar daripada kepompong dan berani menceburi dunia luar demi membantu.

Anisah pula menasihati agar beliau bertatih dengan usaha-usaha kecil dahulu jika usaha lebih besar seperti

kembara luar negara nampak sukar.

"Membantu mereka yang memerlukan adalah perkara bersifat dua hala kesannya – anda dapat meringankan beban mereka sekali gus meluaskan pandangan anda terhadap dunia. Ini juga akan membantu anda melayari masa depan," ujar Anisah.

Tahun ini, NUSMS merancang untuk pergi ke Krabi, Thailand, bagi membantu masyarakat Muslim di sana.

Menurut presiden NTUMS, Md Danial Arsad, persatuan itu dijangka menghantar dua pasukan ke Laos dan Kemboja. Semuanya masih dalam perancangan. Lurah iltizam ini memang sukar dilalui. Namun, tetap mereka gagahi demi niat murni, demi kepentingan masyarakat zaman ini.

Siapa kata beliau langsung tidak ambil peduli?

**Nota:** Penulis baru sahaja menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda bidang perhubungan am Universiti RMIT, Australia, menerusi SIM Global Education.

## Siri Anugerah Cemerlang Mendaki

# Percaya pada kebolehan diri bawa kejayaan

USAH memperlekehkan potensi diri anda kerana sikap sedemikian hanya akan membawa kegagalan.

Itulah gagasan Encik Mohamed Shahid Shawall Hamid sejak sekian lama dan prinsip hidupnya itu telah pun melihat penerima Anugerah Cemerlang Mendaki itu mencapai kejayaan yang beliau idamkan.

Sikap optimis beliau itu didokong ibu bapanya, yang sentiasa memberi kata-kata dorongan dan meyakini keupayaan anak mereka itu.

Ikuti butir-butir bicara Encik Shahid bersama *Ekstra* dalam ruangan Siri Anugerah Cemerlang Mendaki pada minggu ini.

**Ciri-ciri peribadi anda:** Sentiasa bersikap optimis, cekal dan tidak banyak kerehah (*easy-going*)!

**Anda tidak boleh hidup tanpa:** Keluarga dan kawan-kawan. Saya sangat bersyukur kerana memiliki keluarga yang tidak putus-putus memberikan saya sokongan.

Kami suka keluar meluangkan masa bersama-sama dan makan ramai-ramai. Tambahan pula saya mempunyai tiga anak saudara perempuan dan dua anak saudara lelaki. Hidup saya diceritakan lagi dengan kehadiran mereka! Selain itu, saya juga suka lepak bersama kawan-kawan pada waktu lapang.

**Sumber inspirasi anda:** Ibu bapa saya. Mereka sentiasa mempercayai kebolehan saya. Merekalah yang memberi saya dorongan untuk melakukan yang terbaik dalam apa jua hal yang saya usahakan.

Menjelang musim peperiksaan, ibu saya akan memberikan saya semangat dengan memasak makanan kegemaran saya. Selepas itu, beliau akan menyediakan buah-buahan atau membawakan saya aiskrim waktu saya belajar.

Ayah saya pula akan membelikan saya kek atau cemil-cemilan yang saya sukai. Kadang-kadang, mereka akan sengaja membawa saya keluar makan supaya saya dapat berehat seketika.

**Rahsia anda dalam meniti dunia pembelajaran:** Kita harus mengenali pasti dan mengutamakan apa yang penting dalam hidup. Lakukan tugas yang lebih penting dahulu dan tinggalkan yang lain untuk dibuat kemudian.

Cuba kurangkan gangguan. Berikan perhatian yang penuh terhadap tugas yang menanti dibersikan.

Kita harus berdisiplin. Jika kita sudah merancang sesuatu, pastikan kita akan menepatinya. Sungguhpun demikian, usah terlalu tertekan dengan keadaan sekitar-an kita.

**Cara anda tangani tekanan dengan:** Selalunya saya akan lepak dengan kawan-kawan, minum kopi atau tonton wayang apabila saya perlukan waktu berehat.

Pada hujung minggu, saya akan pergi *jamming* pula. Saya seorang pemain dram. Saya telah belajar bermain dram ini kira-kira dua tahun lalu.

**Bagaimana anda boleh mencekaskan perubahan:** Saya berharap agar saya berjaya menunjukkan bahawa impian boleh menjadi kenyataan seandainya kita percaya akan kebolehan diri kita sendiri.

Kekalkan tumpuan pada semua sasaran kita. Ini kerana kejayaan tidak datang bergolek. Kita harus bekerja untuk mendapatkannya.

**Kata-kata pegangan:** Percayalah kebolehan diri masing-masing. Pada pendapat saya, sikap optimis dan kececalan adalah dua ciri yang harus ada pada diri seseorang pelajar. Kecekapan dalam pengurusan masa juga penting kerana kita perlu mengetahui halhal manakah yang harus didahulukan.



**MENGGENGAM AZAM:** Berbekalkan kesungguhan Encik Shahid berjaya mencapai kejayaan yang diimpikan, dan kini dengan azam yang sama beliau telah memulakan perniagaannya sendiri Rub A Fox, yang menawarkan khidmat desain dan mencetak kemeja-T. – Foto TUKIMAN WARJI

## KENAL-KENAL

**Nama:** Mohamed Shahid Shawall Hamid

**Umur:** 25 tahun

**Pekerjaan:** Jurutera jabatan sistem perhubungan dan pakar khidmat, SP PowerGrid

**Pendidikan & Pencapaian:**

>Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik dengan kepujian kelas pertama, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) (2008 – 2011)

>Anugerah Kecemerlangan Akademik Sinda bagi pencapaian peringkat sarjana muda

>Anugerah Khas Mendaki dan Anugerah Kecemerlangan Akademik Sinda bagi pencapaian peringkat diploma

>Diploma bidang kejuruteraan elektronik, komputer dan perhubungan dengan kepujian, Politeknik Nanyang (2003 – 2006)

>Telah memulakan perniagaan menyediakan khidmat mencetak t-shirt 'Rub A Fox' ([www.rubafox.com](http://www.rubafox.com)) pada 2008 bersama teman baiknya, Simon Soh Han, waktu tahun pertama di universiti dan menyelenggarakan bersama sehingga kini.

**Keluarga:** Anak bongsu dalam keluarga tiga beradik